

MESYUARAT BERSAMA JABATAN BIL. 2/2022
8 OGOS, 2022

SENARAI USUL / CADANGAN KAKITANGAN

BIL.	USUL / CADANGAN	BILANGAN PENCADANG	STATUS TINDAKAN
1	Mohon diwujudkan KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MBS yang dipengerusikan oleh Setiausaha MBS dibawahnya terdiri dari biro-biro seperti Biro Kebajikan, Biro Sukan, Biro Ekonomi, Biro Keagamaan, Biro Rekreasi dan sebagainya supaya aktiviti berkaitan dengan kakitangan dapat dijalankan dengan baik dan lancar.	11	Kelab Sukan / BAKI / Persatuan Hindu
2	Mohon disediakan pusat jagaan kanak-kanak (TASKA) bagi anak-anak kakitangan MBS.	36	PKW / PKP
3	Mohon diadakan program Hari Keluarga MBS untuk semua kakitangan pada setiap tahun.	7	Kelab Sukan / BAKI / Persatuan Hindu
4	Mohon diadakan lebih banyak kursus kepada kakitangan MBS terutama bagi Gred 29 dan ke bawah.	7	Selesai
5	Mohon disediakan gelanggang badminton, pingpong dan bilik gymnasium untuk tujuan riadah kakitangan MBS	5	Selesai
6	Mohon agar sticker kenderaan diberi kepada semua kakitangan MBS tanpa mengira gred jawatan dan memaklumkan kepada syarikat yang mengendalikan TLK agar tidak menyaman kenderaan yang mempunyai sticker MBS.	13	Makluman
7	Mohon diaktifkan semula kafetaria di pejabat Cawangan Nilai untuk kemudahan kakitangan & juga orang awam yang berurusan.	4	Kelab Sukan / BAKI
8	Mohon disediakan kiosk bagi kemudahan mesin photostate berbayar untuk orang awam yang berurusan di pejabat MBS Cawangan Nilai.	13	Selesai
9	Mohon disediakan no. pin untuk setiap kakitangan di pejabat bagi mengelakkan salahguna kemudahan telefon yang dibekalkan di atas meja kakitangan yang berkenaan & melibatkan bayaran bil. telefon yang tidak sepatutnya.	1	PKP

10	Mohon dipasang CCTV yang lebih banyak di dalam kawasan pejabat bagi tujuan keselamatan & mengelakkan kes-kes kecurian.	1	Selesai
11	Mohon disediakan insuran berkelompok (kemalangan) bagi semua kakitangan MBS.	16	Selesai
12	Mohon pemantauan bagi ubat-ubatan yang dibekalkan di dalam kotak 'first aid' di setiap jabatan dibuat secara berkala setiap tahun.	2	Selesai
13	Mohon dipertimbangkan perjawatan bagi kakitangan yang dilantik secara 'Contract For Service' diserap ke jawatan tetap atau sekurang-kurangnya ke jawatan "Contract Of Service" kerana terdapat kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun.	1	Selesai
14	Mohon dinaiktarafkan sistem SPBT yang sedia ada kerana ianya terlalu perlahan dan mengambil masa yang lama untuk diakses.	17	Selesai
15	Mohon supaya kursus/bengkel/seminar untuk kakitangan diadakan pada hari bekerja.	2	Selesai
16	Mohon supaya kursus perolehan wajib diberikan kepada semua kakitangan yang terlibat.	2	Selesai
17	Mohon supaya kakitangan kumpulan sokongan juga diberi peluang untuk menghadiri bengkel/seminar/kursus di luar MBS.	1	Selesai
18	Mohon disediakan bilik/ruang pejabat bagi pemandu kenderaan jabatan MBS.	1	PKB / PKP
19	Mohon jabatan yang masih ditempatkan di pejabat cawangan Nilai dipindahkan ke Wisma MBS bagi memudahkan urusan dan menjimatkan kos terutama bagi jabatan yang tidak mempunyai ramai kakitangan di pejabat cawangan.	7	PKB
20	Mohon supaya pegawai yang bergred 41 dan ke atas dinamakan sebagai Penolong Pengarah.	2	Selesai
21	Mohon supaya dibekalkan peralatan penting bagi kakitangan yang berkenaan mengikut bidang masing-masing. (cth : 'safety belt' untuk mekanik).	1	Selesai